

Pengurusan Masa Pelajar Tahun Akhir Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti  
Kebangsaan Malaysia Semasa Pembelajaran Dalam Talian  
(*Time Management Among the Final Year Students of Quran and Sunnah Studies Programme,  
Universiti Kebangsaan Malaysia during Online Learning*)

NUR AQILAH BINTI MOHD HAKIMI & NAJAH NADIAH BINTI AMRAN\*

ABSTRAK

Pembelajaran dalam talian telah mendapat perhatian para akademik dan masyarakat awam susulan pandemik Covid-19 yang melanda dunia yang menjejaskan sesi pembelajaran secara bersemuka. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah tekanan perasaan akibat perubahan kaedah pembelajaran. Hal ini berikutan kurang pengetahuan dan juga ketidakkecekapan pelajar dalam mengurus masa ketika pembelajaran dalam talian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti langkah-langkah pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar ketika pembelajaran dalam talian dan tahap keberkesanan pengurusan masa yang diamalkan oleh mereka. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik secara dalam talian. Seramai 80 orang sampel yang terdiri daripada pelajar tahun akhir (sesi 2021-2022) Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah dipilih sebagai peserta kajian. Dalam kajian ini, data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti peserta kajian mengamalkan langkah-langkah pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian. Namun, terdapat sebahagian pelajar yang tidak berdisiplin dalam mematuhi jadual perancangan serta tidak pernah mengikuti kelas atau bengkel kemahiran pengurusan masa. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa langkah-langkah yang diamalkan itu memberi kesan yang positif dari aspek akademik, emosi dan kemahiran mengurus masa namun terdapat sebahagian pelajar yang menghadapi tekanan emosi dan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa yang cukup berbanding ketika pembelajaran bersemuka. Data daripada kajian ini dapat digunakan oleh para pendidik di luar sana terutama pensyarah untuk membantu pelajar serta menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran dalam talian.

Kata Kunci: Pengurusan Masa, Pandemik COVID-19; Pembelajaran dalam Talian, Pengajian Islam

ABSTRACT

*Online learning has gained the attention from educators and public following the Covid-19 pandemic that has affected the face-to-face learning sessions. Previous studies have shown that students face problems of emotional stress due to sudden changes in learning methods. This is due to lack of knowledge and competence in time management during online learning. Therefore, this study aims to identify the time management measures applied by students during online learning and the level of their effectiveness. This is a quantitative study that uses an online questionnaire method. A total of 80 final year students (session 2021-2022) from the Programme of the Al-Quran and Al-Sunnah Studies, Faculty of Islamic Studies Universiti Kebangsaan Malaysia were selected as study participants. In this study, the data was analyzed using the descriptive analysis method. The study found that the majority of the participants practice effective time management when learning online. However, there are some students who are not adhering to the learning scheduled. There are some of them who never attended any time management skill class or workshop. In addition, the study also found that the good time management had positive effects on students and their wellbeing in terms of academic performance and emotions. However, there were some students faced emotional burdens and stated that they did not have enough time compared to face-to-face learning. The data from this study can be used by educators especially faculty's lecturers to assist students and improve the quality of online teaching and learning.*

*Keywords: Islamic Studies; Pandemic COVID-19; Online Learning; Time Management*

## PENGENALAN

Setiap pelajar mempunyai bilangan jam yang sama dalam satu hari iaitu sebanyak 24 jam. Namun, tidak semua pelajar dapat menguruskan 24 jam yang diperuntukkan dalam sehari dengan tersusun. Pengurusan masa dalam kalangan pelajar adalah sangat perlu untuk dititikberatkan agar kehidupan seharian pelajar tidak terganggu terutamanya dalam era pandemik zaman kini yang memfokuskan kepada pembelajaran dalam talian. Amalan pengurusan masa amat dianjurkan dalam Islam kerana banyak kelebihan dan kebaikan yang bakal diperoleh melalui amalan pengurusan masa yang teratur. Allah SWT telah berfirman dalam Surah al-‘Asr ayat 1-3:

Maksudnya: Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. (al-Quran. Surah al-‘Asr 103: 1-3)

Kajian dilaksanakan untuk mengkaji langkah-langkah yang dilakukan oleh pelajar tahun tiga Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam mengurus masa ketika pembelajaran dalam talian sepanjang musim pandemik ini serta sejauh mana tahap keberkesanan pengurusan masa mereka ketika menjalani pembelajaran. Bagi mendapatkan data yang tepat, kaedah kuantitatif telah digunakan sebagai metode utama dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data bagi kajian ini ialah soal selidik.

### Metodologi Kajian

Kajian menggunakan pendekatan berbentuk kuantitatif yang bertujuan untuk mengenalpasti langkah-langkah pengurusan masa yang telah diamalkan oleh pelajar ketika pembelajaran dalam talian dan tahap keberkesanan pengurusan masa mereka. Kaedah pengumpulan data adalah melalui analisis kandungan dan soal selidik. Borang soal selidik serta soalan-soalan disediakan kepada peserta kajian untuk dijawab. Kajian ini melibatkan pelajar tahun tiga Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Jumlah keseluruhan populasi dalam kajian ini adalah sebanyak 80 orang pelajar. Seterusnya, pemilihan sampel bagi kajian ini dibuat berdasarkan teknik pensampelan secara rawak mudah.

Soalan telah dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu soalan berbentuk demografi untuk mendapatkan latar belakang peserta kajian.

Manakala bahagian kedua pula menjurus kepada soalan untuk mengetahui langkah-langkah pengurusan masa yang dilaksanakan oleh peserta kajian ketika mereka menjalani pembelajaran dalam talian. Seterusnya, bahagian terakhir bagi soal selidik ini dikhususkan kepada soalan berbentuk kesan-kesan terhadap pengurusan masa yang telah diamalkan ketika pembelajaran dalam talian oleh peserta kajian yang disasarkan. Pada akhir soal selidik, kajian telah menyediakan soalan terbuka untuk mendapatkan cadangan, luahan serta perkongsian daripada peserta kajian. Namun, soalan ini tidak diwajibkan dan hanya sebagai pilihan.

Analisis statistik deskriptif bagi kajian ini menggunakan peratus, kekerapan serta min dan semua ini dikira dengan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* atau dikenali dengan SPSS. Kajian menggunakan kaedah ini dengan tujuan untuk menghitung dan memahami data yang diperoleh daripada peserta kajian. Nilai Alpha Cronbach yang dihasilkan untuk semua item soal selidik adalah boleh diterima iaitu  $\alpha = 0.65$ .

Analisis deskriptif lebih mudah untuk kajian yang dijalankan iaitu pengurusan masa dalam konteks pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar tahun tiga Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, UKM. Seterusnya, apabila semua data diperoleh daripada peserta kajian, maka kajian akan menganalisis data menggunakan kaedah deskriptif ini. Kaedah ini menggunakan jadual dan graf untuk menjelaskan data yang berbentuk visual seperti histogram.

## PENGURUSAN MASA BERKESAN DAN IMPAKNYA KE ATAS PELAJAR

### Hubungan Pengurusan Masa Efektif dan Pencapaian Akademik

Dalam menyoroti kosa ilmu berkaitan pengurusan masa dan cabaran pembelajaran semasa pandemik, pengkaji mendapati terdapat perkaitan yang rapat antara kecekapan dalam pengurusan masa secara efektif dengan prestasi akademik dan keseimbangan emosi pelajar-pelajar di beberapa buah negara. Kajian Faisal et al. (2014) di Abu Dhabi telah menegaskan bahawa amalan pengurusan masa yang tepat memainkan peranan yang besar dalam membantu pelajar dalam gaya hidup yang lebih sejahtera serta mampu cemerlang dalam prestasi akademik. Kajian ini mendapati bahawa pelajar cemerlang mempunyai pengurusan masa yang bagus sehingga menyebabkan prestasi akademik mereka meningkat. Alshaya et

al. (2016) yang menjalankan kajian dalam kalangan pelajar-pelajar program pengajian perubatan di Arab Saudi juga mendapati pengurusan masa sangat berkait rapat dengan keputusan peperiksaan. Kajian ini juga menekankan keperluan pelajar meningkatkan kemahiran mengurus masa dengan menghadiri latihan dan sesi kaunseling.

Selain penekanan terhadap kemahiran mengurus masa, faktor persekitaran juga mempengaruhi pengurusan masa bagi memastikan pencapaian akademik cemerlang. Zainol (2016) dalam kajian beliau iaitu Kajian Rekonstruksi Pelajar-Pelajar Rancangan Persediaan Khas Ke Jepun (RPKJ) faktor persekitaran dan suasana pembelajaran sangat mempengaruhi pengurusan masa harian pelajar. Ini bermaksud persekitaran membentuk budaya pelajar-pelajar dalam menguruskan masa mereka.

#### Impak Pandemik Ke atas Pembelajaran dan Pengurusan Masa Pelajar

Bedewey dan Gabriel (2015) ada menyentuh kesan-kesan psikologi yang dihadapi pelajar akibat kekangan masa. Pelajar mudah mengalami tekanan apabila masa pembelajaran menjadi terhad dan terlalu ringkas, ketidakupayaan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan, kesukaran untuk mengejar dan memahami silibus pembelajaran jika mereka ketinggalan kelas dan hanya ada masa yang terhad untuk berehat. Kajian ini telah membuktikan bahawa kekangan dalam pengurusan masa menjejaskan pencapaian pelajar di universiti kerana mereka mengalami tekanan dalam tuntutan akademik.

Apabila dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19, berlaku perubahan mendadak dalam proses pembelajaran di seluruh dunia. Kajian Muniroh et al. (2020) mendapati bahawa pembelajaran dalam talian semasa pandemik merupakan satu cabaran bagi pelajar kerana mereka perlu menyusun masa sendiri untuk meneliti bahan-bahan pembelajaran secara dalam talian. Di sisi pensyarah pula mereka hendaklah menyediakan nota pembelajaran, tugas serta kuiz dan peperiksaan secara dalam talian. Pelajar perlu berdikari dan berada dalam pemantauan yang minimum untuk mereka sendiri menyusun masa serta mengutamakan bahan mana yang perlu diselesaikan terlebih dahulu mengikut keutamaan.

Sementara itu Yamini Chandra (2020) mendapati terdapat rasa kekusaran dan kebimbangan dalam kalangan para pelajar sekiranya mereka gagal dalam akademik dengan suasana pembelajaran secara dalam talian. Dalam kajian beliau, pelajar terpaksa menjalani pelbagai kursus tambahan untuk

mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu bagi mengatasi kesan negatif yang muncul disebabkan oleh situasi pandemik yang melanda. Selain itu, Siti Nurhamiyah dan Laili Farhana (2020) pula melaporkan pelajar berasa terganggu dan tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pembelajaran kerana ada yang terlalu leka dengan aplikasi pintar. Ini mengakibatkan membazirkan sehingga menangguh masa untuk menyelesaikan tugas yang seharusnya diutamakan seperti menyiapkan tugas kursus yang diberikan oleh pensyarah.

Kajian Fathiyah et al. (2021) telah mengkaji persediaan pelajar untuk menghadapi pembelajaran dalam talian. Dapatan menunjukkan bahawa sungguhpun terdapat sebahagian pelajar yang dapat menguruskan masa dengan tersusun namun terdapat sebahagian pelajar lain yang tidak dapat menyusun masa dengan baik sepanjang pembelajaran dalam talian yang akhirnya memberikan kesan-kesan yang negatif kepada pembelajaran dan diri mereka. Kajian tersebut disokong oleh kajian Zainora et al. (2021) yang mengkaji secara khusus simptom-simptom stres dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Terdapat tahap stres yang berbeza-beza telah dialami oleh pelajar mengikut persekitaran dan persepsi diri pelajar-pelajar sendiri.

#### Pengurusan Masa Efektif Menurut Islam

Di dalam al-Quran, Allah SWT telah bersumpah dengan bahagian-bahagian tertentu daripada waktu seperti malam, siang, waktu fajar, waktu dhuha dan waktu asar. Hal ini menunjukkan bahawa Allah SWT memberi penekanan terhadap masa dan hal ini menunjukkan bahawa masa itu sangat penting sehingga manusia perlu mengurusnya dengan cermat. Antara ayat al-Quran yang dinyatakan sumpah oleh Allah SWT ialah Surah al-Lail ayat satu dan dua:

Maksudnya: Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya). Dan siang apabila ia lahir terang-benderang. (al-Quran. Surah al-Lail 92: 1-2)

Berdasarkan ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa waktu malam itu sangat penting dalam kehidupan manusia di mana pada waktu yang tenang ini manusia dapat merehatkan diri dan juga beribadah seperti berzikir dan bertafakur. Manakala Allah SWT juga bersumpah dengan waktu siang yang akan datang sejurus apabila waktu malam sudah menghilang. Ketenangan malam akan membantu manusia untuk mendapatkan kembali tenaga untuk bekerja pada waktu

siang keesokannya mencari bekalan untuk hidup serta mencari rezeki makan dan minum untuk melangsungkan kehidupan di dunia ini. Hal ini menunjukkan bahawa manusia hidup dalam pergantian kedua-dua waktu ini (HAMKA 2020). Maka dapat difahami bahawa di dalam al-Quran, Allah SWT telah memberi panduan kepada manusia bagaimana cara mengurus masa dengan membahagikan dua waktu utama iaitu siang dan malam iaitu waktu siang untuk bekerja dan waktu malam pula untuk beristirahat dan beribadah kepada Allah SWT supaya masa yang digunakan itu bukan hanya tertumpu kepada kelebihan di dunia sahaja namun juga kelebihan di akhirat.

Oleh kerana al-Quran sangat mementingkan masa sehingga dianggap sebagai kehidupan manusia, maka seorang muslim mempunyai kewajipan terhadap waktu yang perlu ditunaikan seperti memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah. Manusia selalu leka dan lalai sehingga tidak mempedulikan nikmat masa lapang yang dikurniakan oleh Allah SWT (al-Qaradhawi 2010). Rasulullah SAW telah bersabda:

“Dua kenikmatan yang sering dilupakan oleh kebanyakan manusia adalah kesihatan dan waktu lapang”. ‘Abbas al-‘Anbari mengatakan: Telah menceritakan kepada kami Shafwan bin Isa, dari Abdullah bin Sa’id bin Abu Hind, dari ayahnya, saya mendengar Ibnu Abbas, dari Nabi SAW seperti hadith di atas (Abdullah Ibnu Abbas, Sahih al-Bukhari, hadis no.6414, Bab Kesihatan dan Kelapangan, Kitab al-Riqaq)

Daripada hadis ini, Rasulullah SAW telah menyatakan bahawa ramai manusia yang mempersiakan dua nikmat yang terbesar ini. Masa dalam kehidupan berlalu dengan sia-sia tanpa diisi dengan perkara manfaat sedangkan mereka sihat dan mempunyai banyak waktu yang terluang. Manusia tidak akan menyedari akan kelalaian ini melainkan apabila mereka hilang kenikmatan itu seperti sakit. Manakala waktu lapang juga disia-siakan di mana mereka tidak menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti berfaedah seperti mencari rezeki untuk kehidupan di dunia ini. Manusia yang menggunakan waktu sihat dan lapangnya akan memiliki tekad dan juga keteguhan yang tinggi, memenuhi masanya dengan pelbagai urusan serta mereka sentiasa sedar bahawa masa berlalu dengan sangat cepat (al-Utsaimin 2010). Maka, jelaslah di sini bahawa Islam sangat mementingkan pengurusan masa sehingga Rasulullah SAW sendiri menyatakan bahawa waktu sihat dan lapang sering diabaikan oleh manusia. Oleh hal yang demikian, seorang insan bergelar muslim sepatutnya menyusun masa dengan mengisi waktu lapang yang ada dengan perkara dan aktiviti yang

membawa kebaikan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat.

## HASIL DAPATAN

Secara keseluruhannya, jadual 1 menunjukkan taburan min dan peratus pengurusan masa pelajar tahun akhir Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah ketika pembelajaran dalam talian. Kajian ini melibatkan bilangan peserta kajian seramai 71 orang peserta kajian. Tahap skor min yang diperoleh dalam hasil kajian ini dikira menggunakan sumber Jamil (2002).

### Langkah-langkah Dalam Pengurusan Masa Ketika Pembelajaran dalam Talian

Pandangan peserta kajian mengenai langkah-langkah pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian dapat dilihat pada bahagian ini. Bahagian ini dapat mengenalpasti adakah pelajar mengamalkan langkah-langkah pengurusan masa yang efektif ketika pembelajaran dalam talian berlangsung. Jadual 1 memaparkan perincian peratusan dan tahap skor min tentang langkah-langkah pengurusan masa pelajar ketika pembelajaran dalam talian.

Jumlah min tertinggi adalah 4.41 bagi soalan *Saya sentiasa menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan* yang mana sebanyak 50.7% (36 orang) peserta kajian memilih jawapan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala taburan nilai min terendah adalah 1.80 yang menunjukkan majoriti peserta kajian sangat tidak bersetuju dengan soalan *Saya tidak dapat menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan*. Kedua-dua dapatan kajian ini menepati kajian Wan Zah et al. (2008) yang menjelaskan bahawa pelajar yang dapat menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan oleh pensyarah mempunyai kemahiran pengurusan masa yang tinggi. Kajian ini bukan sahaja menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai kemahiran pengurusan masa yang baik dengan merancang jadual mereka dengan tersusun sehingga dapat menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan bahkan mereka dapat menangani situasi pembelajaran mereka sepanjang pandemik dengan baik.

Jadual ini juga memaparkan peratusan yang tertinggi adalah 53.5% (38 orang) peserta kajian memilih sangat bersetuju bagi pernyataan *Saya memilih berada di kolej supaya saya dapat menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dalam talian* yang menunjukkan bahawa antara langkah pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar ketika pembelajaran dalam talian adalah dengan memilih untuk menetap di kolej untuk lebih fokus kepada pembelajaran agar masa

JADUAL 1. Taburan kekerapan, peratusan dan min bagi mengenalpasti langkah-langkah pengurusan masa pelajar ketika pembelajaran dalam talian

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Skor Min	Tahap
1.	Saya sentiasa merancang aktiviti saya sama ada secara harian, mingguan atau bulanan		3 (4.2%)	14 (19.7%)	29 (40.8%)	25 (35.2%)	4.07	Tinggi
2.	Saya menyusun aktiviti mengikut keutamaan		1 (1.4%)	6 (8.5%)	30 (42.3%)	34 (47.9%)	4.37	Tinggi
3.	Saya dapat membezakan antara perkara yang perlu diutamakan dengan perkara yang remeh-temeh	1 (1.4%)		7 (9.9%)	29 (40.8%)	34 (47.9%)	4.34	Tinggi
4.	Saya sentiasa menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan		1 (1.4%)	5 (7%)	29 (40.8%)	36 (50.7%)	4.41	Tinggi
5.	Saya sentiasa menyiapkan tugas tepat pada tarikh yang ditetapkan	1 (1.4%)	2 (2.8%)	5 (7%)	26 (36.6%)	37 (52.1%)	4.35	Tinggi
6.	Saya tidak dapat menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan	35 (49.3%)	24 (33.8%)	6 (8.5%)	3 (4.2%)	3 (4.2%)	1.80	Rendah
7.	Saya berani mengatakan 'tidak' kepada perkara-perkara yang mampu merosakkan jadual perancangan saya	1 (1.4%)	5 (7%)	19 (26.8%)	30 (42.3%)	16 (22.5%)	3.77	Tinggi
8.	Saya berdisiplin dalam mematuhi jadual perancangan saya	1 (1.4%)	3 (4.2%)	28 (39.4%)	26 (36.6%)	13 (18.3%)	3.66	Sederhana
9.	Saya mempunyai kemahiran dalam mengurus masa dengan baik		3 (4.2%)	26 (36.6%)	30 (42.3%)	12 (16.9%)	3.72	Tinggi
10.	Saya tidak pernah menghadiri bengkel/kursus kemahiran pengurusan masa	12 (16.9%)	13 (18.3%)	21 (29.6%)	17 (23.9%)	8 (11.3%)	2.94	Sederhana
11.	Saya meminta nasihat dan bimbingan daripada pensyarah atau rakan tentang pengurusan masa ketika menjalani pembelajaran dalam talian	7 (9.9%)	16 (22.5%)	13 (18.3%)	23 (32.4%)	12 (16.9%)	3.24	Sederhana
12.	Saya memilih berada di kolej supaya saya dapat menumpukan perhatian terhadap pembelajaran dalam talian	2 (2.8%)	8 (11.3%)	10 (14.1%)	13 (18.3%)	38 (53.5%)	4.08	Tinggi

yang ada diperuntukkan hanya untuk perkara yang melibatkan pelajaran dan tidak mencampuradukkan dengan urusan keluarga dan rumah. Ini menunjukkan persekitaran tempat belajar mempengaruhi pengurusan masa dan proses pembelajaran pelajar semasa belajar dalam talian. Dapatan ini juga menunjukkan kemahiran membuat keputusan dan keutamaan pelajar yang telah memilih untuk tinggal di kampus bagi melancarkan pembelajaran.

#### Keberkesanan Pengurusan Masa Pelajar Ketika Pembelajaran dalam Talian

Pandangan peserta kajian tentang kesan-kesan pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian dapat dilihat dengan nyata pada bahagian ini. Jadual 2 memaparkan taburan kekerapan dan peratusan bagi mengkaji tahap keberkesanan pengurusan masa peserta kajian ketika menjalani pembelajaran dalam talian.

JADUAL 2. Taburan kekerapan dan peratusan bagi mengkaji tahap keberkesanan pengurusan masa peserta kajian

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Pencapaian akademik saya meningkat walaupun tiada pembelajaran secara bersemuka			3 (4.2%)	27 (38%)	41 (57.7%)
2.	Saya sentiasa bersedia dalam menghadapi kuiz yang disediakan oleh pensyarah		2 (2.8%)	15 (21.1%)	31 (43.7%)	23 (32.4%)
3.	Tugasan saya dapat disiapkan dengan lancar sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan oleh pensyarah		2 (2.8%)	8 (11.3%)	30 (42.3%)	31 (43.7%)
4.	Saya berasa tenang dan tidak tertekan dengan pembelajaran dalam talian	2 (2.8%)	9 (12.7%)	26 (36.6%)	21 (29.6%)	13 (18.3%)
5.	Saya sentiasa positif ketika menjalani pembelajaran dalam talian walaupun dibebani dengan tugas dan kuiz yang banyak	1 (1.4%)	3 (4.2%)	20 (28.2%)	34 (47.9%)	13 (18.3%)
6.	Saya tidak dapat mengawal emosi ketika pembelajaran dalam talian kerana terlalu banyak tugas yang diberikan oleh pensyarah	9 (12.7%)	14 (19.7%)	28 (39.4%)	13 (18.3%)	7 (9.9%)
7.	Saya lebih memanfaatkan masa ketika pembelajaran dalam talian berbanding pembelajaran secara bersemuka	3 (4.2%)	6 (8.5%)	24 (33.8%)	21 (29.6%)	17 (23.9%)
8.	Saya tidak mempunyai masa yang cukup ketika menjalani pembelajaran dalam talian berbanding pembelajaran secara bersemuka	7 (9.9%)	22 (31%)	27 (38%)	10 (14.1%)	5 (7%)

Secara keseluruhannya, jadual 2 di atas menunjukkan taburan peratus bagi jawapan peserta kajian yang memilih jawapan “Sangat Setuju”, “Setuju”, “Kurang Setuju”, “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju”. Bahagian ini adalah untuk mengkaji tahap keberkesanan pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar ketika pembelajaran dalam talian. Pemilihan kesan ini adalah berdasarkan tiga kategori iaitu akademik, emosi dan pengisian waktu. Berdasarkan jadual ini, dapat dilihat bahawa peratus tertinggi bagi jawapan “Sangat Setuju” adalah sebanyak 57.7% iaitu seramai 41 orang yang sangat bersetuju bagi pernyataan *Pencapaian akademik saya meningkat walaupun tiada pembelajaran secara bersemuka*. Manakala peratus

kedua tertinggi adalah 47.9% dengan jumlah pelajar 34 orang memilih bersetuju bagi pernyataan *Saya sentiasa positif ketika menjalani pembelajaran dalam talian walaupun dibebani dengan tugas dan kuiz yang banyak*.

Selain itu, jadual ini juga memaparkan peratus yang tinggi pada “Kurang Setuju” iaitu sebanyak 39.4% iaitu 28 orang pelajar yang memilih kurang bersetuju dengan pernyataan *Saya tidak dapat mengawal emosi ketika pembelajaran dalam talian kerana terlalu banyak tugas yang diberikan oleh pensyarah*. Manakala peratus yang tinggi pada pemilihan jawapan “Tidak Setuju” adalah sebanyak 31% iaitu seramai 22 orang yang tidak bersetuju dengan pernyataan *Saya*

tidak mempunyai masa yang cukup ketika menjalani pembelajaran dalam talian berbanding pembelajaran secara bersemuka. Dan peratus yang tertinggi pada pemilihan jawapan “Sangat Tidak Setuju” adalah pada pernyataan *Saya tidak dapat mengawal emosi ketika pembelajaran dalam talian kerana terlalu banyak tugas yang diberikan oleh pensyarah* iaitu sebanyak 12.7% dengan mencatat pelajar seramai 9 orang.

Dalam mengurus keperluan pembelajaran dan menyelesaikan tugas, didapati juga bahawa terdapat lebih 30% pelajar (35 orang) tidak mendapatkan bimbingan dan nasihat daripada pensyarah ataupun rakan-rakan. Selain itu juga lebih 40 peratus pelajar ini tidak pernah menghadiri kursus atau bengkel berkaitan pengurusan masa. Sedangkan terdapat dalam kalangan mereka (lebih 50%) yang tertekan dengan sesi pembelajaran dalam talian.

## PERBINCANGAN

### Langkah-langkah Dalam Pengurusan Masa Efektif

Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar tahun akhir Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah mengamalkan langkah-langkah pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian dengan nilai skor min yang mencapai tahap tinggi dan sederhana pada setiap item. Namun item *Saya meminta nasihat dan bimbingan daripada pensyarah atau rakan tentang pengurusan masa ketika menjalani pembelajaran dalam talian* hanya diamalkan oleh sebahagian peserta kajian. Hal ini berikutan nilai skor min yang rendah iaitu 2.94. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak meminta nasihat, bimbingan dan juga sesi kaunseling daripada pensyarah atau rakan-rakan berkaitan dengan pengurusan masa yang betul ketika menjalani pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian ini seperti yang dijelaskan oleh Hamizatun Akmal dan Noraini (2013) bahawa pelajar kurang jarang berjumpa dengan pensyarah dan berbincang cara menguruskan masa yang betul berpotensi menjejaskan proses pembelajaran mereka. Dalam konteks pembelajaran semasa pandemik, faktor jarak dan juga keseriusan pensyarah dalam memantau perkembangan dan potensi pelajar juga memberikan kesan kepada pelajar sama ada dari aspek emosi, kognitif dan kemahiran.

Dari sisi positif, kajian ini mendapati antara langkah pengurusan masa yang paling kerap diamalkan oleh peserta kajian ialah menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan oleh pensyarah. Item ini mendapat nilai skor min yang tertinggi iaitu 4.41 di mana nilai ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar memilih “Sangat Setuju” dengan pernyataan ini. Hal

ini menunjukkan bahawa pelajar dapat menyusun jadual harian mereka mengikut keutamaan sehingga mereka dapat menyiapkan tugas sebelum tarikh yang ditetapkan sekalipun ada pelajar merasakan mereka mengalami bebanan tugas yang lebih banyak sejak pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian ini menepati dapatan kajian Muniroh et al. (2020) yang menyatakan bahawa cabaran pembelajaran dalam talian adalah sangat tinggi sehingga pelajar perlu menyusun masa dengan baik dengan merancang jadual secara tersusun dan mendahulukan perkara yang menjadi keutamaan dan keperluan.

Langkah-langkah pengurusan masa yang diamalkan oleh pelajar menunjukkan mereka lebih cenderung merancang aktiviti harian mereka dengan teratur. Mereka dikategorikan sebagai pelajar cemerlang kerana pelajar yang cemerlang mengurus masa mereka dengan mempunyai perancangan yang rapi terhadap aktiviti yang akan dilakukan mengikut keperluan dan keutamaan (Azura et al. 2015). Pelajar yang mempunyai pengurusan masa yang baik lebih cenderung menyelesaikan tugas secara efisien dan teratur sehingga dapat diselesaikan sebelum tarikh yang ditetapkan (Hamizatun Akmal & Norzaini 2013).

### Keberkesanan Pengurusan Masa

Objektif kajian ini juga adalah untuk mengkaji tahap keberkesanan pengurusan masa yang diamalkan oleh peserta. Bagi mencapai objektif ini, kajian telah mendapatkan peratus, kekerapan dan juga nilai min bagi item yang disediakan pada bahagian C soal selidik. Jadual 3 menunjukkan dapatan tahap keberkesanan pengurusan masa pelajar ketika pembelajaran dalam talian dari tiga aspek utama iaitu akademik, emosi dan pengisian waktu.

Berdasarkan jadual 3, pencapaian akademik peserta kajian sama ada dari sudut peperiksaan, kuiz mahupun tugas berada pada tahap yang tinggi berdasarkan hasil dapatan yang diperolehi daripada soal selidik. Peserta kajian berpandangan bahawa pencapaian akademik mereka meningkat selepas mengamalkan pengurusan masa yang teratur ketika menjalani pembelajaran dalam talian. Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian Carolyn et al. (2012) yang menyatakan bahawa pengurusan masa yang lemah dan tidak teratur menyebabkan pelajar tidak bersedia menghadapi peperiksaan dan tidak mematuhi tarikh tetap tugas yang diberikan oleh pensyarah yang menjadi punca utama pencapaian akademik pelajar menurun. Selain itu, hasil dapatan ini juga menepati kajian Alshaya et al. (2016) yang mendapati bahawa pelajar yang berupaya mengurus masa mendapat keputusan peperiksaan

JADUAL 3. Tahap Keberkesanan Pengurusan Masa Pelajar Ketika Pembelajaran Dalam Talian

Bil	Item	Min	Interpretasi
1	Akademik	4.29	Tinggi
2	Emosi	3.40	Sederhana
3	Pengisian Waktu	3.19	Sederhana

yang lebih baik berbanding pelajar yang lemah dalam pengurusan masa. Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa pelajar yang mampu merancang masa mereka dengan baik akan menghasilkan pencapaian akademik yang memberangsangkan.

Selain daripada pencapaian akademik, kajian juga menjadikan emosi sebagai salah satu elemen dalam mengkaji tahap keberkesanan pengurusan masa pelajar ketika pembelajaran dalam talian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa emosi pelajar selepas mengamalkan pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian adalah pada tahap sederhana. Berdasarkan jawapan pelajar terhadap item-item berkaitan dengan tahap keberkesanan pengurusan masa ketika pembelajaran dalam talian dari aspek emosi, dapat disimpulkan bahawa pelajar mengalami tekanan ketika pembelajaran dalam talian namun mereka masih dapat mengawal emosi mereka dengan baik serta sentiasa berfikiran positif terhadap keadaan yang melanda pada ketika ini di mana mereka tidak dapat belajar secara bersemuka. Berdasarkan pengalaman penulis sendiri, pelajar tahun tiga Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah mempunyai jam kredit yang sangat banyak pada semester akhir beserta Latihan Ilmiah yang mereka perlu selesaikan. Walaupun mereka mempunyai banyak tugas dan juga kuiz disebabkan oleh tiada peperiksaan seperti sebelum ini, mereka masih dapat menyiapkan tugas dan pembentangan sebelum dan pada tarikh yang telah ditetapkan. Hasil dapatan ini bercanggah dengan kajian Hamizatun Akmal dan Norzaini (2013) yang menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pengurusan masa yang baik mempunyai tahap tekanan yang rendah. Dapat disimpulkan di sini bahawa pembelajaran dalam talian merupakan antara faktor peserta kajian tertekan walaupun mempunyai pengurusan masa yang baik.

Di samping itu, tahap keberkesanan pengurusan masa pelajar ketika pembelajaran dalam talian adalah pada tahap sederhana bagi aspek pengisian waktu. Dengan pengurusan masa mereka yang teratur serta pembelajaran dalam talian, mereka mempunyai ruang pengisian waktu yang lebih berbanding ketika pembelajaran secara bersemuka. Mereka juga

berpandangan bahawa mereka mempunyai masa yang cukup dalam melakukan tugas yang banyak walaupun mereka agak tertekan dengan pembelajaran dalam talian. Hasil dapatan ini bertepatan dengan kajian Hui Yong Tay (2015) yang menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian menjadikan pelajar mempunyai ruang waktu yang lebih anjal dan fleksibel.

#### KESIMPULAN

Pelajar yang sedang belajar di tahun akhir di institusi pengajian tinggi merupakan kohort pelajar yang kritikal kerana pencapaian mereka semasa di tahun akhir menjadi penentu kejayaan mereka ke garis penamat untuk bergraduasi. Semasa pandemik melanda negara, pelajar-pelajar tersebut antara yang terkesan kerana tuntutan pembelajaran menjadi semakin mencabar. Ini ditambah lagi bagi mereka sedang menyiapkan projek tahun akhir di lapangan, dalam makmal atau menjalani latihan amali industri. Pelajar tahun akhir Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam turut mengalami keadaan tersebut. Dalam mengukur kejayaan tersebut, faktor kemampuan pelajar dari aspek pengurusan masa memainkan peranan besar kerana mereka perlu menguruskan masa, emosi dan proses pembelajaran secara sendiri disebabkan ada yang tinggal berjauhan dari kampus, keterbatasan pergerakan dan berada jauh dalam akses internet atau berada dalam kawalan pensyarah secara minima. Hasil analisis data mendapati bahawa sungguhpun majoriti pelajar tahun akhir Program Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, UKM telah mengamalkan hampir kesemua langkah pengurusan masa secara efektif. Terdapat aspek-aspek khusus yang perlu diberikan perhatian khususnya berkaitan cabaran emosi. Langkah-langkah pengurusan masa yang mereka amalkan ketika menjalani pembelajaran dalam talian telah membawa kepada kesan yang baik dari aspek akademik. Antara langkah pengurusan berkesan berkaitan dengan keupayaan mencari solusi dan kemahiran mengurus keutamaan. Ada dalam mereka berasa tertekan dengan suasana pembelajaran dalam



talian, namun mereka masih dapat mengawal emosi mereka dengan berfikiran positif. Langkah lain yang turut diambil oleh sebahagian pelajar adalah dengan membuat perubahan fizikal dengan kembali ke kampus khususnya mereka yang berhadapan dengan gangguan capaian internet, cabaran dalam keluarga dan sumber. Kajian ini mencadangkan agar pensyarah memberikan perhatian terhadap beban tugas yang melebihi kemampuan pelajar mengambilkira jumlah jam pembelajaran yang sebenarnya. Selain itu, perbincangan dan panduan yang efisien hendaklah diberikan kepada pelajar agar mereka dapat menyelesaikan tugas secara tenang dan menjalani sesi pembelajaran sehingga jaya.

#### RUJUKAN

- al-‘Utsaimin, Muhammad bin Shalih. 2010. *Syarah Sahih al-Bukhari*. Terj. Abu Ihsan al-Atsari. Jil. 7 & 8. Jakarta: Darus Sunnah Press.
- al-Qaradhawi, Yusuf Abdullah. 2010. *Nilai & Pengurusan Waktu dalam Hidup Seorang Muslim*. Terj. Ahmad Hasan Nazam, Mohd Nizam Mohd Ali & Mohd Ridzuan Rizal. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Alshaya H.M., Roomi M.A., Alzayer M.A., Alonze S.K. & Alshaalan R.F. 2016. Is time management related to better academic performance and perceived academic satisfaction among medical students? A cross-sectional survey in Saudi Arabia. *International Journal of Advanced Research (IJAR)* 5(1): 2205-2213.
- Azura Hamdan, Rohany Nasir, Rozainee Khairudin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. 2015. Perbezaan kecemerlangan pelajar dari perspektif pengurusan masa, keputusan akademik terdahulu dan Jantina. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29(1): 39-52.
- Bedewey D. & Gabriel A. 2015. Examining perceptions of academic stress and its sources among university students: the perception of academic stress scale. *Health Psychology Open* 2(2): 1-9.
- MacCann, C, Gerard J. Fogarty & Richard D. Roberts. 2012. Strategies for success in education: Time management is more important for part-time than full-time community college students. *Learning and Individual Differences* 22 (5): 618-623.
- Faisal Z. Miqdadi, Abdulla F. ALMamani, Mohammad T. (Shadid Masharqa) & Nabil M. Elmousel. 2014. The relationship between time management and the academic performance of students from the petroleum institute in Abu Dhabi, the UAE. ASEE 2014 Zone I Conference. University of Bridgeport. Bridgeport, CT, USA, 3-5 April.
- Fathiyah Mohd Kamaruzaman, Nur Ainil Sulaiman & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2021. A study on perception of students' readiness towards online learning during covid-19 pandemic. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 11(7): 1536-1548.
- Hamizatun Akmal & Norzaini. 2013. Perkaitan antara pengurusan masa dan stres dalam kalangan pelajar siswazah di IPTA. *AJTLHE* 5(1): 34-49.
- HAMKA, Abdul Malik Karim Abdullah. 2020. *Tafsir Juz 'Amma*. Selangor: PTS Publishing House.
- Hui Yong Tay. 2015. Curriculum, Teaching and Learning (CTL) Academic Group. National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapore.
- Jamil Ahmad. 2002. Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: satu penilaian. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. 2020. *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran secara Maya dalam Kebiasaan Baharu semasa Pandemik Covid-19*. Pulau Pinang: Universiti Teknologi MARA.
- Siti Nurhamiyah dan Laili Farhana. 2020. Pengaruh sikap terhadap pelajar di upsi apabila menggunakan aplikasi permainan atas talian. *Journal of Humanities and Social Sciences* 2(3): 82-87.
- Wan Zah Wan Ali, Aida Suraya Md. Yunus, Ramlah Hamzah, Rosini Abu, Rohani Ahmad Tarmizi, Sharifah Md. Nor, Kamariah Abu Bakar & Habsah Ismail. 2008. Kemahiran pengurusan masa pelajar universiti tempatan: status dan hubungannya dengan pencapaian, *Jurnal Teknologi* 49(E): 49-64.
- Yamini Chandra. 2020. *Online education during COVID-19: Perception of Academic Stress and Emotional Intelligence Coping Strategies Among College Students*. Mumbai: Narsee Monjee Institute of Management Studies.
- Zainol Abidin Kassim. 2016. Kajian rekonstruksi pelajar-pelajar rancangan persediaan khas ke jepun (RPKJ) dalam aspek pengurusan masa. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun* 1(6): 27-51.
- Zainora Daud, Noorhafizah Mohd Haridi, Norazman Alias & Anuar Hasin. 2021. Kajian perbandingan kalangan pelajar institusi pengajian tinggi terhadap simptom stres yang dialami ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian era covid-19. *Journal Al-Irsyad* 6(1): 615-627.

Nur Aqilah Binti Mohd Hakimi & Najah Nadiah Binti Amran\*  
 Pusat Kajian Al-Quran dan As-Sunnah,  
 Fakulti Pengajian Islam,  
 43600 UKM, Bangi, Selangor, Malaysia.

\*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: najah@ukm.edu.my

Diserahkan: 10 Oktober 2022

Diterima: 14 Oktober 2022